

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

KENYATAAN MEDIA BERKAITAN PEMANSUHAN BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)

1. Bermula 1 Januari 2020, lantikan baru penjawat awam dalam 33 skim perkhidmatan, termasuk dalam bidang perubatan dan kesihatan, tidak lagi akan menerima Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK).
2. Sebagai contoh, doktor-doktor baru yang dilantik akan menerima kurang RM750 setiap bulan berbanding rakan sejawat mereka. Atau dari perspektif perbandingan gaji, seorang doktor pelatih (house-officer) UD41 yang mula bekerja pada 1 Julai 2019, beroleh RM5197 setiap bulan manakala gaji doktor pelatih UD41 yang bekerja pada Januari 2020 nanti hanya dapat RM4447.
3. Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM) menolak dengan sekerasnya pemansuhan elaun kritikal ini. Penolakan ini bukan hanya berlandaskan isu kewangan semata-mata tetapi berasas kepada izzah dan nilai profesion perubatan.
4. Segala bentuk insentif kewangan yang kini dimansuhkan memerlukan kewajaran yang difahami marhaen.
5. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di dalam kenyataan balas rasmi bertarikh 25 Disember 2019, menyatakan bahawa, “Dari segi prinsipnya, pemberian BIPK adalah tidak kekal serta boleh ditarik balik apabila perkhidmatan berkenaan tidak lagi kritikal.”
6. Persoalanan pokoknya ialah; adakah wajar menganggap perkhidmatan perubatan kini sebagai tidak lagi kritikal?
7. Walaupun secara zahirnya perjawatan di dalam sektor kesihatan dilihat sebagai penuh, namun yang lebih nyata adalah beban tugas yang semakin tinggi dan tidak sepadan dengan bilangan petugas yang sedia ada.

8. Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1, antara lain merumuskan bahawa terdapat kekurangan kakitangan di hospital-hospital kerajaan, mempunyai beban kerja yang tinggi, melebihi keupayaan tenaga kerja yang sedia ada.
9. Hospital-hospital kerajaan penuh sesak dengan pesakit yang perlu menunggu tarikh dan giliran untuk mendapatkan rawatan untuk suatu tempoh masa yang lama. Dan dengan ekonomi yang meleset kini, terdapat penambahan sebanyak 30% peralihan pesakit daripada kemudahan swasta kepada hospital awam.
10. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, keadaan kesesakan di hospital awam, kekurangan tenaga perubatan/kejururawatan dan penghijrahan doktor-doktor ke hospital swasta (satu orang pakar setiap hari) merupakan fakta yang sah untuk menyangkal pendirian JPA yang dangkal itu.
11. Majoriti mereka yang memilih kerjaya untuk berkhidmat di sektor kesihatan, baik doktor, jururawat, ahli farmasi atau pembantu perubatan, berbuat demikian kerana niat altruistik dan rasa tanggungjawab sosial untuk membantu masyarakat awam.
12. Namun mereka juga manusia yang mempunyai keperluan dan kehendak insaniah. Tidak dapat dielakkan, motivasi dan kepuasan kerja itu berkait rapat dengan imbuhan kewangan tidak kira apa sektor pekerjaannya.
13. Kebelakangan ini juga, bertubi-tubi Kementerian Kesihatan diasak dengan isu perjawatan yang amat menguris jiwa murni. Kini timbul pula pemansuhan elaun kritikal, walhal kemelut isu perjawatan di kalangan doktor pelatih UD41 dan pegawai perubatan tetap dan kontrak masih perlu diuruskan dengan bijaksana.
14. Tidak berapa lama dahulu, kita begitu bermegah dengan berita bahawa sistem perkhidmatan kesihatan di Malaysia adalah antara yang terbaik di Asia Pasifik. Malangnya, adakah ini balasan yang diterima?

15. Beberapa tindakan JPA kebelakangan ini hanya memberi persepsi kepada rakyat jelata, bahawa sektor kesihatan bukan lagi suatu perkhidmatan yang kritikal dan penting.

16. Kami menggesa pihak kerajaan khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menilai semula pemansuhan BIPK ini, demi kepentingan kebajikan kakitangan kesihatan, “incentivise” staf-staf kesihatan yang bakal mencetus dan memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan yang cemerlang kepada rakyat Malaysia.

Jawatankuasa Eksekutif

Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM)

25 Disember 2019